Siri Penerokaan Alkitab Pristine World

# Buku Kerja Aktiviti Murid

Berdasarkan

# Meneroka Alkitab




SAMPLE

## Peringkat 1

Penerbitan
Buku Kristian

SAMPLE

PristineWorld

Siri Penerokaan Alkitab Pristine World

# Buku Kerja Aktiviti Murid

Berdasarkan

# Meneroka Alkitab

## Peringkat 1

SAMPLE



Lilian Jose

# Hak cipta

PristineWorld

Diterbitkan kali pertama di Malaysia pada tahun 2024 oleh Pristine World Sdn Bhd
Hak cipta @ 2024 Pristine World Sdn Bhd, Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan atau multimedia ini boleh dicipta semula, disimpan dalam sistem yang boleh diperoleh semula ataupun dihantar dalam sebarang bentuk ataupun cara, elektronik, mekanikal, cetak semula, rakaman, imbasan dan lain-lain tanpa kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta.

Petikan Alkitab diambil daripada ALKITAB VERSI BORNEO COPYRIGHT@2016 BORNEO SABDA LIMITED

Tidak dibenarkan memetik atau mengeluar ulang Alkitab @ Borneo Sabda Limited dan isi kandungan dalam cara apa pun dan untuk tujuan apa pun, tanpa kebenaran daripada pemegang hak milik Edisi Alkitab ini, iaitu Borneo Sabda Limited.

Untuk tujuan bukan komersil dan pemetikan tidak melebihi 1000 (seribu) ayat atau satu kitab, maka kebenaran tidak diperlukan, namun pada akhir petikan harus dicantumkan kata-kata: 'Dipetik daripada Alkitab @ Borneo Sabda Limited'

SAMPLE

# ISI KANDUNGAN


| | | |
|---|---|---|
| 01 | Mengapa kita membaca Alkitab? | 4 |
| 02 | Apa itu Alkitab? | 6 |
| 03 | Perjanjian Lama | 8 |
| 04 | Perjanjian Baru | 10 |
| 05 | Alkitab Diajar dalam banyak cara sepanjang Zaman | 12 |
| 06 | Alkitab dalam Bahasa Umum | 14 |
| 07 | Pemeliharaan Alkitab | 16 |
| 08 | Tema Utama dalam Alkitab | 18 |
| 09 | Bagaimana Alkitab memberi kesan kepada Dunia | 20 |
| 10 | Bagaimana Meneroka Alkitab secara Peribadi | 22 |
| | Nota | 24 |


SAMPLE

# Bab 1: Mengapa kita membaca Alkitab?

**Tema**
Sikap kita dapat dibentuk dengan pemilihan bahan bacaan yang baik.

**Objektif**
Marilah kita membuat pilihan yang terbaik untuk menjadi bahan bacaan harian kita.

**Kunci Pelajaran**
Terdapat pelbagai pilihan bahan bacaan di sekeliling kita. Namun, sumber bahan bacaan yang terbaik adalah daripada Tuhan.

### Aktiviti 1: Mari Kenali Pelbagai Jenis Bacaan




B__ __U __E__IT__



N__VE__




B__ __U T__K_




__L__G



A__K__T__B

SAMPLE

 Hakcipta @ Pristine World

**Aktiviti 2: Mencari Perkataan**

1. Perkahwinan
2. Tujuan hidup
3. Keadilan
4. Perdamaian
5. Kebijaksanaan
6. Percintaan
7. Konflik
8. Kematian
9. Sukacita
10. Penyembuhan

| | | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| D | R | T | G | Y | U | J | F | B | S | N | J | S | P | V |
| S | A | D | R | X | E | X | A | F | V | S | C | X | E | B |
| D | E | R | C | A | X | V | E | G | A | C | V | A | N | Y |
| P | E | R | D | A | M | A | I | A | N | C | F | G | Y | B |
| S | E | D | F | T | C | A | R | V | X | V | A | K | E | A |
| V | E | R | V | U | C | R | B | T | H | H | A | O | M | C |
| K | E | B | I | J | A | K | S | A | N | A | A | N | B | C |
| B | K | V | T | U | Z | V | R | B | A | V | B | F | A | X |
| P | E | R | K | A | H | W | I | N | A | N | A | L | H | Z |
| V | A | D | E | N | B | R | K | E | M | A | T | I | A | N |
| T | D | E | F | H | R | A | F | A | A | A | C | K | N | P |
| B | I | R | C | I | A | C | S | C | S | A | Y | G | D | I |
| A | L | F | A | D | C | V | R | A | A | C | B | F | E | J |
| C | A | D | S | U | K | A | C | I | T | A | F | A | S | D |
| V | N | V | A | P | E | R | C | I | N | T | A | A | N | C |

SAMPLE

**Fikirkan**
Alkitab ialah sebuah buku yang diinspirasikan oleh Tuhan. Apakah yang boleh kamu fahami dengan ayat 'diinspirasikan oleh Tuhan'?

Jawapan saya: ____________________________________________

**Tindakan**
Berdasarkan kepada pemahaman kamu, adakah kamu merasakan bahawa Alkitab ialah sebuah buku yang mampu menarik minat kamu?

Jika ya, mengapa? ____________________________________________

Jika tidak, mengapa? ____________________________________________

# Bab 2: Apa itu Alkitab

**Tema**
Janji Tuhan kepada manusia bersifat kekal dan tidak berubah dari dahulu sehingga sekarang.

**Objektif**
Marilah kita memahami sebab di sebalik kewujudan Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru dalam Alkitab.

**Kunci Pelajaran**
Melalui penyertaan Tuhan, para penulis Alkitab mampu memberikan gambaran tentang apa yang telah berlaku pada masa lalu melalui pelbagai gaya penulisan.

SAMPLE

**Aktiviti 1: Jom Kenali Buku-buku dalam Alkitab!**
Berdasarkan apa yang kamu telah pelajari dalam Bab 2, pilih jawapan yang betul untuk setiap soalan di bawah.

1. Kesemua buku berikut adalah Perjanjian Lama, KECUALI
   A. Titus  B. Kejadian  C. Ulangan  D. Imamat

2. Kesemua kategori di bawah boleh ditemui dalam Perjanjian Baru, KECUALI
   A. Nubuat  B. Injil  C. Perintah-perintah  D. Sejarah Gereja

3. Kesemua tokoh di bawah ialah penulis yang paling banyak menulis buku dalam Alkitab, KECUALI
   A. Yeremia  B. Yudas  C. Lukas  D. Musa

4. Siapakah penulis sebenar Alkitab?
   A. Musa  B. Ezra  C. Paulus  D. Tuhan

5. Terdapat satu kategori buku dalam Alkitab yang hanya mengandungi satu buku. Apakah kategori tersebut?
   A. Perintah-perintah  B. Surat Umum  C. Nubuat  D. Nabi-nabi

---

**Aktiviti 2: Fakta Menarik Alkitab**
Terdapat beberapa fakta yang menarik tentang Alkitab. Untuk mengetahuinya, rujuk muka surat 16 dalam buku Meneroka Alkitab dan lengkapkan ruangan kosong di bawah.

1. Satu c__ __it__
2. Satu t__ __ a
3. Tiada per__ __ __g__ __h__n
4. 40 p__ __u__ __s, 15 __b__d

 Hakcipta @ Pristine World

**Fikirkan**

Guru kamu akan memberikan satu gambar kepada kamu, seperti yang ditunjukkan di bawah. Ia adalah sebuah gambaran tentang kisah Nabi Nuh yang telah diperintahkan oleh Tuhan untuk membina sebuah bahtera untuk bersedia menghadapi banjir besar. Kamu hanya diberikan masa selama 10 – 15 minit untuk melihat gambar ini. Guru kamu akan membantu kamu memahami gambar ini. Selepas itu, guru kamu akan meminta setiap daripada kamu untuk melukis semula gambar tersebut berdasarkan apa yang kamu ingati. Kemudian, setiap daripada kamu akan berkongsi bersama rakan-rakan kamu tentang apa yang telah kamu lukis.



Adakah setiap daripada kamu melukiskan gambaran yang sama?

Pada pendapat kamu, adakah ianya mustahil untuk orang-orang yang berlainan, yang wujud pada zaman yang berlainan, mengetahui satu perkara yang sama?

SAMPLE

**Tindakan**

Kamu telah mempelajari sedikit sebanyak tentang Alkitab. Pada pandangan kamu, apakah keistimewaan Alkitab jika dibandingkan dengan bahan bacaan yang lain?

# Bab 3: Perjanjian Lama

**Tema**
Perjanjian Lama menceritakan tentang jatuh bangunnya sesebuah kerajaan pada masa dahulu, yang kisahnya telah dicatatkan oleh nabi-nabi yang telah dipakai oleh Tuhan dengan luar biasa.

**Objektif**
Mari kita memahami bagaimana Tuhan telah beserta umat-Nya melalui rekod sejarah dalam Perjanjian Lama.

**Kunci Pelajaran**
Pecahan kategori-kategori yang tertentu dalam Perjanjian Lama adalah penting untuk kita ketahui supaya kita dapat memahami jalan cerita penyertaan Tuhan dalam sejarah kerajaan manusia pada masa dahulu.

**Aktiviti 1: Mari Kenali Buku-buku dalam Perjanjian Lama**
Kamu telah mempelajari bahawa terdapat 39 buku dalam Perjanjian Lama. Merujuk pada muka surat 20, pilih satu warna kegemaran kamu dan warnakan nama buku yang dapat ditemukan dalam Perjanjian Lama.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Hakim | 2 Raja-raja | Keluaran 1 | Obaja | Kejandian |
| Yossua | Mikah | Kidung Agung | Keluaran | 2 Kidung Agung |
| Kejadian | 1 Samuel | Tawarikh | Daniel | 1 Yunus |
| Zefanya | Yunus | 3 Tawarikh | | |

SAMPLE

 Hakcipta @ Pristine World

**Aktiviti 2: Anagram Bahasa dalam Alkitab**

Anagram ialah satu permainan kata, di mana ejaan dalam satu perkataan itu diubah-ubah untuk menjadi satu perkataan yang lain. Dalam aktiviti ini, kamu perlu menyusun anagram di bawah untuk mengetahui bahasa-bahasa yang telah digunakan dalam penulisan Alkitab. Kamu boleh merujuk pada buku Meneroka Alkitab dalam muka surat 21.

1. Bhasaa Aamiar : ____________________

2. Bhasaa blarni : ____________________

3. Bhasaa eGrek : ____________________

4. Bhasaa snIgrieg : ____________________

Bagaimana pula pada zaman ini? Adakah kamu dapat memikirkan bahasa-bahasa lain yang telah digunakan dalam terjemahan Alkitab pada hari ini? Susun anagram di bawah untuk mengetahuinya.

1. Bhasaa aMyalsia : ____________________

2. Bhasaa doIneais : ____________________

---

**Fikirkan**

Pada fikiran kamu, adakah ianya logik sekiranya hanya Perjanjian Lama yang wujud dalam Alkitab? Jika ya, mengapa dan jika tidak, mengapa?

**Tindakan**

Setelah mengetahui sedikit sebanyak tentang isi dalam Perjanjian Lama, adakah kamu mempunyai gambaran tentang cara hidup pada zaman itu? Jika kamu lahir pada zaman itu, dapatkah kamu mempercayai bahawa Tuhan itu wujud?

SAMPLE

# Bab 4: Perjanjian Baru

**Tema**
Perjanjian Baru adalah tentang kelahiran Yesus dan kemunculan banyak gereja awal yang melibatkan tokoh-tokoh yang sangat berani.

**Objektif**
Mari kita melihat bagaimana janji tentang kelahiran Yesus sebagai Mesias telah digenapi dalam Perjanjian Baru.

**Kunci Pelajaran**
Seperti Perjanjian Lama, Perjanjian Baru juga terbahagi kepada beberapa kategori seperti injil, sejarah, surat-surat, dan nubuatan.

## Aktiviti 1: Kenali Kategori-kategori Buku dalam Perjanjian Baru

Kamu telah mempelajari bahawa 27 buah buku yang terkandung dalam Perjanjian Baru boleh dibahagikan kepada 4 kategori. Lengkapkan jadual di bawah dengan berpandukan pada buku Meneroka Alkitab, muka surat 26.

| Kategori | Contoh Buku-buku |
|---|---|
| I __ ji__ | 1. Matius<br>2. M__r __us<br>3. L__ __ __s |
| Sejarah | K__ __ ah P__ __a Ras__ __ |
| Su__ __ __- su__ __ __ | 1. Fil__ __ __n<br>2. __br__ __i<br>3. I __or__ __ __ us |
| Nubuatan | __ __ __ __ __ |

SAMPLE

## Aktiviti 2: Perjanjian Baru adalah Kisah tentang Siapa?

Dalam penceritaan Perjanjian Baru, terdapat beberapa peribadi utama yang telah disebutkan. Untuk mengetahui siapakah peribadi-peribadi tersebut, lengkapkan teka silang kata di bawah berpandukan pada pembayang yang diberikan.

1. Imanuel atau Tuhan yang menjadi manusia. Y__ __ __s
2. Ketua kepada murid-murid Yesus. S__m__ __ P__tr__ __
3. Ibu Yesus di Bumi. M__r__ __
4. Bapa Yesus di Bumi. __us__ __
5. Seorang Pembaptis. Yo__ __n__ __ Pembaptis
6. Gabenor Yudea. P__ __ti__ __ P__ la__ __ __
7. Seorang rasul yang berasal daripada Tarsus. R__ __ __l P__u__ __ s




SAMPLE

**Fikirkan**

Setelah mempelajari isi Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru, dapatkah kamu membuat perbandingan untuk kedua-duanya?

**Tindakan**

Dalam Perjanjian Baru, kita dapat melihat bahawa tokoh-tokoh yang disebutkan berhadapan dengan pelbagai kesukaran. Jika kamu berada di posisi mereka, adakah kamu akan memiliki kesanggupan untuk mengharunginya? Jika ya, mengapa dan jika tidak, mengapa?

# Bab 5: Alkitab Diajar dalam banyak cara Sepanjang Zaman

**Tema**
Pelbagai cara yang telah digunakan dalam pengajaran Alkitab, sesuai dengan peredaran zaman.

**Objektif**
Marilah kita menghargai usaha-usaha yang telah digunakan dalam penyebaran isi Alkitab oleh tokoh-tokoh Alkitab sepanjang zaman.

**Kunci Pelajaran**
Alkitab dapat dipelajari melalui pelbagai cara yang menarik dan ini adalah diilhamkan daripada Tuhan kepada umat-Nya.

SAMPLE

**Aktiviti 1: Cara Alkitab Diajarkan**
Pelbagai kaedah telah digunakan dalam pengajaran Alkitab. Lengkapkan frasa atau perkataan di bawah dan sempurnakan teka silang kata yang diberikan ini.

1. B__ __kh__ __ __a__ secara terbuka.
2. Pertemuan dalam tempat __ __rt__ __u_.
3. B__ __aj__ __ Alkitab dalam kelompok kecil.
4. __uk__ __a__ katedral yang besar.
5. M__ __ik.
6. D__a__ __.
7. S__ n __.
8. __il__ __.
9. K__du__ __ pujian.
10. Media __ig__ __ _l.



**Aktiviti 2: Ketahui Isi Alkitab Melalui Lagu**

Dalam bab 5, kamu telah mempelajari pelbagai cara yang telah digunakan untuk menyampaikan isi Alkitab kepada orang ramai dan salah satu daripadanya adalah melalui puji-pujian. Lagu di bawah adalah contoh puji-pujian di mana buah-buah roh kudus diperkenalkan. Kamu boleh merujuk dalam Perjanjian baru, buku Galatia 5:22-23. Dapatkan bantuan daripada guru kamu untuk mencari ayat Alkitab ini dan untuk mempelajari lagu ini bersama-sama.

*Kasih, sukacita, damai sejahtera*
*Kesabaran, kemurahan,*
*Kebaikan, kesetiaan, kelemah-lembutan*
*Penguasaan diri*

*Inilah buah Roh Kudus*
*Mengalir dalam hidupku*
*Ku mau hidup dipimpin Roh Kudus*
*Setiap hari*

Apakah yang dapat kamu fahami dan rasakan melalui pembelajaran lagu ini?

SAMPLE

**Fikirkan**

Cara manakah yang menjadi pilihan kamu untuk memahami isi Alkitab? Mengapa kamu memilih cara tersebut?

**Tindakan**

Kamu telah melihat pelbagai cara yang digunakan oleh umat Tuhan pada masa lalu untuk mengajarkan orang lain tentang isi Alkitab. Bagaimana pula pada hari ini? Pernahkah kamu melihat sesuatu di sekeliling kamu yang berunsurkan Alkitab? Selain secara fizikal, cuba fikirkan sesuatu yang kamu pernah lihat di atas talian, contohnya seperti Facebook dan blog.

# Bab 6: Alkitab dalam Bahasa Umum

**Tema**
Alkitab boleh dimiliki oleh orang-orang biasa, dengan bahasa mereka sendiri.

**Objektif**
Marilah kita menghargai para penterjemah Alkitab yang berusaha menghasilkan Alkitab dalam terjemahan yang lain supaya lebih ramai orang dapat mengetahui mesej Tuhan kepada manusia.

**Kunci Pelajaran**
Penyertaan Tuhan telah memungkinkan penterjemahan Alkitab daripada bahasa asal kepada bahasa yang dapat difahami oleh lebih ramai orang.

**Aktiviti 1: Kenali Tokoh-tokoh di Sebalik Penulisan Alkitab dalam Bahasa Umum**
Berdasarkan kunci yang diberikan ini, isi tempat kosong dengan huruf yang betul bagi setiap tokoh.

| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | 13 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| A | B | C | D | E | F | G | H | I | J | K | L | M |
| 14 | 15 | 16 | 17 | 18 | 19 | 20 | 21 | 22 | 23 | 24 | 25 | 26 |
| N | O | P | Q | R | S | T | U | V | W | X | Y | Z |

1. Beliau menterjemahkan Alkitab dalam Bahasa Latin untuk Gereja Roman (Versi Vulgate).
   19 20 10 5 18 15 13 5
   __ __ __ __ __ __ __ __

2. Beliau menterjemahkan Alkitab dalam Bahasa Inggeris supaya orang biasa yang bukan golongan pemimpin gereja boleh membaca Alkitab.
   10 15 8 14 23 25 3 12 9 6 6 5
   __ __ __ __ __ __ __ __ __ __ __ __

3. Seorang lelaki Inggeris yang meneruskan kerja terjemahan Alkitab kepada Bahasa Inggeris seharian.
   23 9 12 12 9 1 13 20 25 14 4 1 12 5
   __ __ __ __ __ __ __ __ __ __ __ __ __ __

4. Orang Eropah pertama yang menggunakan pencetak besi mudah-alih untuk mencetak buku.
   10 15 8 1 14 14 5 19 7 21 20 5 14 2 5 18 7
   __ __ __ __ __ __ __ __ __ __ __ __ __ __ __ __ __

SAMPLE

 Hakcipta @ Pristine World

5. Beliau menerbitkan edisi Greek yang baru dan terjemahan Perjanjian Baru dalam Bahasa Latin yang lebih tepat.
   5 18 1 19 13 21 19

   __ __ __ __ __ __ __

6. Beliau bersedia untuk berdebat dengan gereja Roman dan telah memulakan proses yang menjadi gerakan Protestant.
   13 1 18 20 9 14 12 21 20 8 5 18

   __ __ __ __ __ __ __ __ __ __ __ __

---

**Aktiviti 2: Pelbagai Kaedah dalam Menterjemah Alkitab**

Alkitab telah diterjemahkan menggunakan pelbagai kaedah. Berdasarkan apa yang kamu telah pelajari dalam Bab 6, padankan frasa-frasa di bawah dengan tepat.

| | |
|---|---|
| Terjemahan Formal | Tafsiran dan terjemahan maksud sebenar mesej ke dalam bahasa percakapan Inggeris Moden |
| Persamaan Dinamik | Terjemahan secara langsung/ Terjemahan perkataan demi perkataan |
| Terjemahan Parafrasa | Terjemahan di antara kaedah terjemahan formal dan dinamik |
| Terjemahan Hibrid | Penulisan semula banyak perkataan untuk mentafsir teks mengikut cara percakapan moden |

---

**Fikirkan**

Kamu telah melihat bagaimana para penterjemah Alkitab sanggup menghadapi dan mengharungi pelbagai cabaran dan masalah dalam usaha mereka menghasilkan terjemahan Alkitab. Jika kamu berada di tempat mereka, adakah kamu sanggup untuk meneruskan usaha kamu itu? Pada fikiran kamu, mengapakah mereka mempunyai kesanggupan yang sangat tinggi untuk melakukannya?

**Tindakan**

Setelah melihat pelbagai versi terjemahan Alkitab, versi manakah yang akan menjadi pilihan kamu untuk mula mengenali Alkitab? Pembelajaran Alkitab mungkin menjadi lebih mudah jika kamu dapat membuat pilihan yang sesuai dengan minat dan tahap pengetahuan kamu!

SAMPLE

# Bab 7: Pemeliharaan Alkitab

**Tema**
Alkitab telah dipelihara dengan baik selama turun-temurun.

**Objektif**
Marilah kita menghargai Alkitab kita pada hari ini, yang telah dipelihara berdasarkan salinan yang asal.

**Kunci Pelajaran**
Usaha-usaha yang telah dilakukan dalam pemeliharaan Alkitab menunjukkan betapa berharganya Alkitab kita dan kerana itu, sekecil manapun kesilapan adalah tidak dibenarkan dalam penyalinan semula Alkitab.

**Aktiviti 1: Ketahui Peraturan-peraturan dalam Membuat Salinan Alkitab**
Pelbagai peraturan dalam membuat salinan Alkitab telah disenaraikan di bawah. Namun begitu, terdapat beberapa daripadanya yang TIDAK BENAR. Warnakan merah bagi yang TIDAK BENAR.




Bagi jawapan yang tidak benar, bincangkan bersama guru dan rakan-rakan kamu tentang perkataan yang sepatutnya.

SAMPLE

**Fikirkan**
Kamu telah melihat pelbagai peraturan yang perlu dipatuhi oleh para penulis ketika menyalin semula Alkitab. Adakah kamu bersetuju dengan peraturan-peraturan ini? Bincangkan bersama guru dan rakan-rakan kamu.

**Tindakan**
Kamu pasti mengetahui bagaimana surat-surat dikirimkan dari satu tempat ke satu tempat. Untuk aktiviti ini, kamu akan bermain satu permainan yang dapat menguji disiplin dan tahap daya ingatan kamu. Guru kamu akan menuliskan satu perenggan yang menceritakan tentang suatu kisah di atas sehelai kertas. Sementara itu, kamu dan rakan-rakan kamu akan dipecahkan kepada beberapa kumpulan, di mana satu kumpulan boleh mengandungi 4 – 5 orang ahli. Hanya orang yang pertama dalam setiap kumpulan yang akan menerima kertas itu. Guru kamu akan memberikan tempoh selama 5 – 10 minit untuk ahli yang pertama menghafal isi penting dalam kisah itu. Kemudian, dia akan menceritakan semula kepada orang yang kedua. Langkah ini diulang sehinggalah kepada ahli yang terakhir. Ahli yang terakhir perlu menulis semula kisah yang didengarnya daripada ahli yang sebelumnya. Pada akhir permainan ini, bersama guru dan rakan-rakan kamu, cuba bandingkan kisah yang dibaca oleh ahli yang pertama dengan kisah yang dituliskan oleh ahli yang terakhir.

Apakah yang dapat kamu pelajari daripada permainan ini?

SAMPLE

# Bab 8: Tema Utama dalam Alkitab

**Tema**
Alkitab mengandungi tema-tema tentang cara Tuhan menangani manusia pada sepanjang zaman.

**Objektif**
Mari kita melihat cara Tuhan bekerja dalam kalangan umat-Nya dari segi pemulihan hubungan di antara Tuhan dan manusia dan juga dari segi memperkembangkan agama Kristian di tengah penindasan.

**Kunci Pelajaran**
Pekerjaan Tuhan dalam kalangan manusia merangkumi hal tentang penciptaan dunia sehinggalah lahirnya gereja-gereja awal.

**Aktiviti 1: Kenal Pasti Tema-tema Utama dalam Alkitab**
Terdapat beberapa tema utama dalam Alkitab. Susun tema-tema di bawah berdasarkan apa yang kamu telah pelajari dalam Bab 8 buku Meneroka Alkitab.

☆ Dari Satu Keluarga Kini Menjadi Satu Bangsa
☆ Yesus ialah Mesias yang Dijanjikan
☆ Dosa Memutuskan Hubungan antara Tuhan dan Manusia
☆ Gereja Zaman Perjanjian Baru Bertumbuh
☆ Raja-raja Israel
☆ Nubuatan tentang Kematian dan Kebangkitan Mesias
☆ Israel Memasuki Tanah Perjanjian
☆ Gereja Zaman Perjanjian Baru Bermula
☆ Penciptaan Dunia
☆ Nubuatan tentang Apa yang Akan Dilakukan oleh Mesias
☆ Abraham
☆ Bagaimana Agama Kristian Berkembang di Tengah-tengah Penindasan
☆ Nubuatan tentang Mesias yang Akan Datang
☆ Bahtera Nuh

SAMPLE

 Hakcipta @ Pristine World

**Aktiviti 2: Kenali Beberapa Watak dalam Alkitab**

Dalam Bab 8, kamu telah melihat beberapa nama telah disebutkan. Kotak-kotak di bawah mengandungi nama beberapa orang daripadanya. Dengan mengira kotak tersebut dari nombor 1 ke nombor 3, warnakan kotak yang ketiga untuk mengetahui nama-nama itu. Contoh telah diberikan untuk kotak pertama dan kedua yang perlu diwarnakan.

| 1 | 2 | 3 | 1 | 2 | 3 | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| S | C | A | X | E | D | D | A | A | C | S | M | X | W | A | |
| | | | | | | | | | | | | | | | Y |
| | A | C | E | H | R | O | A | Y | M | R | O | P | B | U | |
| A | | | | | | | | | | | | | | | |
| | O | M | E | R | Y | X | R | E | M | U | S | T | S | U | |
| | | | | | | | | | | | | | | | A |
| | | | | | | | | | | | | P | S | U | |

Tuliskan nama-nama tersebut di bawah:

1. ____________________ 2. ____________________ 3. ____________________

**Fikirkan**

Alkitab adalah sangat penting. Senaraikan beberapa kepentingan Alkitab berdasarkan apa yang telah kamu pelajari.

**Tindakan**

Apakah yang kamu dapat fahami tentang 'DOSA'? Cuba kongsikan kepada guru dan rakan-rakan kamu di hadapan kelas tentang pemahaman kamu tentang dosa dan contoh-contoh dosa yang sering kali dilakukan oleh kita sebagai manusia.

SAMPLE

# Bab 9: Bagaimana Alkitab memberi kesan kepada Dunia

**Tema**
Alkitab telah membawa pelbagai perubahan di seluruh dunia yang membawa kepada kemajuan di tempat itu.

**Objektif**
Mari mengenal pasti konsep-konsep Alkitab yang telah mewujudkan tamadun dalam kalangan manusia.

**Kunci Pelajaran**
Rasa tanggungjawab dalam diri orang-orang Kristian pada zaman terdahulu telah membawa kepada kemajuan manusia, hasil daripada nilai-nilai yang diajarkan dalam Alkitab.

SAMPLE

**Aktiviti 1: Apakah Kesan-kesan Alkitab kepada Dunia**
Kamu telah membaca dalam Bab 9 kesan-kesan Alkitab kepada dunia. Bulatkan perkataan yang betul bagi setiap kesan yang disenaraikan di bawah.

1. Alkitab dan ________________________. (pengudusan hidup/pengabaian hidup)
2. Revolusi ___________________________. (perkilangan/perindustrian)
3. Pen-_____________________. (didikan/dewasaan)
4. Reformasi ___________________________. (persekutuan/kerajaan)
5. Perjuangan menentang __________________. (perhambaan/ketuanan)

**Aktiviti 2: Bagaimana Alkitab Mampu Membawa Kebaikan kepada Umat Manusia?**
Berikut adalah senarai kesan wujudnya Alkitab dalam kalangan manusia. Berdasarkan pembacaan kamu dalam buku Meneroka Alkitab, tandakan (√) bagi yang BENAR.

☐ Pembunuhan bayi dan pembuangan kanak-kanak dibenarkan.

☐ Permainan gladiator di Timur diharamkan oleh maharaja.

 Hakcipta @ Pristine World

☐ Bunuh diri tidak dibenarkan.

☐ Kanak-kanak golongan miskin dijadikan buruh dengan bayaran yang murah.

☐ Sekolah diperkenalkan untuk golongan kurang upaya.

---

**Fikirkan**

Ramai tokoh Kristian yang berusaha untuk mengubah dunia untuk menjadi lebih baik. Pada pendapat kamu, apakah yang membuat mereka mempunyai semangat yang berkobar-kobar untuk mengusahakan hal ini?

**Tindakan**

Setelah melihat bagaimana tokoh-tokoh ini berjaya membawa perubahan yang ketara ke atas dunia, apakah perasaan kamu? Adakah kamu mempunyai keinginan seperti ini juga? Dengan membaca Alkitab, kamu pastinya lebih bersemangat untuk melakukan hal ini!

SAMPLE

# Bab 10: Bagaimana Meneroka Alkitab secara Peribadi

**Tema**
Pembacaan Alkitab boleh bermula daripada diri sendiri.

**Objektif**
Mari kenal pasti cara yang mudah dan sesuai bagi kita untuk mempelajari Alkitab berdasarkan keperluan kita.

**Kunci Pelajaran**
Pada hari ini, terdapat pelbagai aplikasi, bahan digital, dan versi Alkitab yang boleh kita pilih dan ini dapat membantu kita meneroka Alkitab dengan lebih mudah dan menarik.

SAMPLE

**Aktiviti 1: Rancangan Pembacaan Akitab Saya**
Kamu telah melihat cara untuk memulakan pembacaan Alkitab. Berdasarkan kepada kesesuaian kamu, isikan tempat kosong di bawah.

1. Bahasa yang manakah yang menjadi pilihan kamu untuk membaca Alkitab?

___________________________________________
___________________________________________
___________________________________________
___________________________________________

2. Menurut kamu, yang mana satukah yang lebih mudah untuk kamu memulakan pembacaan Alkitab? Perjanjian Lama atau Perjanjian Baru?

___________________________________________
___________________________________________
___________________________________________
___________________________________________

3. Jika diberikan pilihan sama ada Injil atau Kejadian, yang mana satukah akan menjadi pilihan kamu untuk mula membaca Alkitab? Jika kamu belum mengetahui perbezaannya, kamu boleh bertanya kepada guru atau rakan kamu.

___________________________________________
___________________________________________
___________________________________________
___________________________________________

 Hakcipta @ Pristine World

**Aktiviti 2: Mari Mengenal Bantuan Pembelajaran Alkitab**

Selain daripada Alkitab itu sendiri, terdapat pelbagai sumber bacaan yang lain. Guru kamu akan menunjukkan kepada kamu beberapa di antaranya, seperti yang disenaraikan ini.

1. Siri Penjelajahan Alkitab Visual (pristineworld@gmail.com)
2. Panduan Pembacaan Alkitab (https://content.scriptureunion.org.uk/wordlive)
3. Aplikasi Alkitab (http://www.bible.is/)

Apakah pendapat kamu terhadap aplikasi-aplikasi ini? Adakah ianya membuatkan kamu lebih tertarik untuk mempelajari Alkitab?

SAMPLE

**Fikirkan**

Alkitab ialah sebuah buku yang unik. Kita boleh membaca dan memahaminya tanpa membaca setiap muka surat. Pada pendapat kamu, mengapakah Alkitab boleh difahami tanpa dibaca keseluruhannya?

**Tindakan**

Dalam bab ini, kamu telah melihat bantuan pembelajaran Alkitab yang berbentuk visual. Ini termasuklah buku-buku dalam Siri Penjelajahan Alkitab Visual oleh Pristine World. Minta guru kamu terangkan apakah yang dimaksudkan dengan 'visual'. Pilih satu kisah daripada Alkitab, sebagai contohnya kisah penciptaan bumi dan isinya. Baca tentang kisah tersebut dalam Alkitab biasa, dan kemudian baca semula tentang kisah itu dalam Siri Penjelajahan Alkitab Visual. Yang mana satukah yang lebih kamu fahami? Bincangkan bersama rakan-rakan dan guru kamu.

# Nota

SAMPLE


Hakcipta @ Pristine World

SAMPLE

Siri Penerokaan Alkitab Pristine World

# Meneroka Alkitab




Lawat kami di www.pristine-world.com

Untuk pertanyaan hantar emel kepada kami di pristineworld@gmail.com

Hak cipta © Pristine World Sdn Bhd, Malaysia

SAMPLE